

08 OCT 2002

MAHATHIR-KWSP

DIVIDEN KWSP MUNGKIN TIDAK TINGGI TAHUN INI, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata para pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak boleh mengharapkan dividen yang tinggi tahun ini.

Pendapatan yang rendah sekarang daripada pelaburan dalam pasaran saham menyebabkan KWSP tidak mungkin dapat mengumumkan dividen yang tinggi, katanya kepada sidang media selepas membuka Forum Ekonomi Malaysia-China, di sini.

Pada 2001, KWSP mengumumkan dividen lima peratus, iaitu dividen terendah sejak 1967. Dividen pada 2000 adalah enam peratus.

Dr Mahathir berkata para pencarum tidak boleh mengharapkan dividen yang tinggi sekarang kerana pelaburan dalam pasaran saham tidak memberikan pulangan yang baik.

"Ramai yang dikenakan panggilan margin dan mereka kerugian wang. Jadi, jika anda mendapat dividen yang rendah, saya rasa ia adalah pulangan yang baik," katanya.

Beliau berkata orang ramai tidak boleh mengharapkan KWSP mengisytiharkan dividen yang tinggi setiap tahun tidak kira prestasi ekonomi.

"Seluruh dunia sekarang, keadaan perniagaan amat buruk. Semua orang bimbang dengan kemungkinan perang. Jika anda lihat kepada Dow Jones, (Indeks Nikkei) Jepun dan (bursa-bursa di) negara lain, semuanya jatuh pada peratusan yang lebih besar daripada Malaysia.

"Anda tidak boleh mengharapkan setiap masa menerima dividen yang besar.

"Jika anda mahukan dividen yang besar, bantu Malaysia kembangkan ekonomi dan kita akan beri dividen yang baik," beliau menegaskan.

Ditanya samada KWSP harus terus melabur dalam bon dalam denominasi dolar Amerika, Dr Mahathir berkata pendapatan dari pelaburan seperti ini masih memberikan pulangan yang positif.

Kerajaan juga meminjam wang dari KWSP dan ia memberikan kadar faedah tetap, katanya. "Ia seperti melabur dalam bon kerajaan."

Ditanya samada terdapat rancangan bagi portfolio pelaburan KWSP disemak semula, beliau berkata tidak banyak pilihan yang ada sekarang.

"Anda boleh beritahu saya syarikat mana yang kita harus melabur," katanya sambil berseloroh.

Perdana Menteri juga ditanya samada beliau mempunyai keyakinan dengan panel pelaburan KWSP. Beliau menjawab: "Ya.

"Anda boleh merombak lembaga pelaburan tetapi ia tidak akan memberi sebarang perbezaan. Syarikat (yang dilabur) tidak mencatat prestasi yang baik dan bukan lembaga itu," katanya.

Pada April lepas, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meluluskan undi tidak percaya terhadap panel pelaburan KWSP yang dikatakan gagal memastikan pulangan yang munasabah bagi simpanan pencarum.

Panel pelaburan tujuh anggota itu dilantik oleh Menteri Kewangan. Mereka menggubal dasar pelaburan KWSP dan bertindak di bawah garis panduan dalam Seksyen 26 Akta KWSP 1991.

Dr Mahathir juga ditanya samada penurunan dalam pelaburan langsung asing ke negara ini disebabkan oleh Malaysia dikaitkan dengan kegiatan pengganas. Beliau menafikannya.

"Saya rasa tidak banyak wang yang ada dan kebanyakan modal telah dilabur. Jadi, adalah tidak mengejutkan pelaburan dari sumber-sumber asing adalah rendah.

Dalam Bajet 2003, katanya, kerajaan memberi tekanan kepada pelaburan domestik dan bukan pelaburan asing. -- BERNAMA
HK/MAD MR JR